

21/11/1998

Kempen cinta negara dapat sambutan

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan Pahang menerusi Kemas berjaya mengumpulkan 10,000 tandatangan rakyat pelbagai lapisan, termasuk masyarakat Orang Asli di seluruh negeri ini sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengumpulan tandatangan itu dilakukan selama dua minggu menerusi pengedaran poskad Sejuta Cinta Negara yang diagihkan kepada penyelia kanan Kemas di seluruh negeri dan projek berkenaan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa Pahang, Datuk Omar Othman, berkata sokongan padu kepada kerajaan, khususnya kepada Dr Mahathir, adalah wajar bagi membolehkannya mengatasi pelbagai masalah yang melanda negara termasuk kegawatan ekonomi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurutnya, semua poskad yang sudah ditandatangani itu akan diserahkan kepada Kemas untuk dikemukakan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, sebelum ia diserahkan kepada Dr Mahathir.

Beliau berkata, idea mengumpulkan tandatangan rakyat yang dicetuskan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) itu adalah antara usaha yang dilakukan bagi menyatakan sokongan supaya kestabilan politik di negara ini terus dikekalkan.

Katanya, ini kerana sesetengah pihak terutama penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mahu kepimpinan negara diubah, cuba menimbulkan kekacauan sehingga menggugat keamanan rakyat.

"Berikutan itu, usaha KPLB menerusi Kemas melancarkan kempen pengedaran poskad Sejuta Cinta Negara bagi mengutip tandatangan orang ramai sebagai tanda sokongan kepada Dr Mahathir dan kerajaan untuk menangani masalah itu, adalah wajar kerana kita mahu keamanan dan kestabilan politik dikekalkan," katanya .

(END)